



MUZAKARAH PAKAR KESIHATAN PEKERJAAN MENURUT ISLAM

**16 NOVEMBER 2021
(9.00 PAGI - 12.30 TENGAH HARI)**

SECARA DALAM TALIAN

 **LIVE IKIM & **

Pengenalan

Agama Islam amat menuntut umatnya untuk bekerja secara halal bagi menjamin kehidupan yang diberkati. Justeru itu, Islam mensyaratkan agar pekerjaan yang dilakukan itu perlu menurut landasan syara' dan tidak bertentangan dengan ajaran agama. Sabda Rasulullah s.a.w bermaksud: "Mencari sara hidup yang halal adalah satu kewajipan di samping kewajipan-kewajipan yang difardhukan." (Riwayat Al-Tabrani dan Al-Baihaqi).

Asas kepada syariat Islam ialah untuk mendatangkan kemaslahatan dan menjauhkan kemudharatan dan ia adalah tuntutan Maqasid al Syariah. Tuntutan ini turut terpakai dalam konteks pekerjaan di mana pekerjaan yang dilakukan perlu menepati tuntutan untuk memelihara kemaslahatan agama, jiwa, aqal, keturunan dan harta. Asas ini jugalah yang sewajarnya menjadi panduan kepada konsep pekerjaan yang sihat dan selamat.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO percaya bahawa mewujudkan pekerjaan yang baik adalah penting untuk kemajuan ekonomi dan ia pasti akan membawa keamanan dan kemakmuran yang berkekalan. Manakala, Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO telah mengiktiraf bidang kesihatan pekerjaan adalah satu bidang yang berkaitan dengan kesihatan awam dan bertujuan untuk mempromosi dan menghasilkan tahap kesejahteraan fizikal, mental dan sosial pekerja pada tahap yang terbaik.

Jika tujuan ini diabaikan, maka usaha untuk mewujudkan pekerjaan yang sihat dan selamat tidak akan berhasil, malah sebaliknya mendatangkan kemudharatan dan kerugian. Ia turut dibuktikan oleh satu kajian yang dilakukan AIA Vitality Malaysia pada tahun 2019 yang mendapati bahawa organisasi telah kehilangan sebanyak 73.3% kadar produktiviti bagi setiap seorang tenaga kerja akibat isu kesihatan pekerjaan, dan sebanyak 51% mengalami tekanan pekerjaan. Tekanan pekerjaan juga telah menyebabkan sebanyak 53% dari mereka mengalami gangguan tidur dan sebanyak 7% pula mengalami simptom keresahan dan kemurungan.

Oleh yang demikian, program ini diadakan dengan tujuan untuk menerangkan konsep Islam dalam membina pekerjaan yang sihat dan selamat serta memahami beberapa isu semasa seperti perundangan, IR4.0 dan sebagainya yang turut berperanan dalam meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan pekerjaan.

Objektif

Memahami konsep pekerjaan yang sihat dan selamat menurut Islam;
Memahami peranan dan kaitan isu semasa dalam meningkatkan kualiti dan persekitaran pekerjaan yang sihat dan selamat; dan,
Mewujudkan cadangan garis panduan kesihatan pekerjaan menurut kefahaman Islam.

MUZAKARAH PAKAR
KESIHATAN PEKERJAAN MENURUT ISLAM
16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

Sesi Pagi	
9.00 pagi	Pembukaan dan Bacaan doa
9.10 pagi	Ucapan Aluan YBhg. Dr. Mohd. Sani bin Badron Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM
Sesi Pembentangan dan Perbincangan	
9.30 pagi	Moderator: Pn. Suzana binti Md Samsudi Felow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM Kertas 1 "Pekerjaan Yang Sihat dan Selamat Menurut Perspektif Islam" <i>Pembentang:</i> Prof Madya Dr Siti Arni binti Basri Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
10.00 pagi	Kertas 2 "Memahami Faktor Risiko Psikososial di Tempat Kerja Era Pandemik COVID-19" <i>Pembentang:</i> En. Khairul Azhar bin Idris Felow, Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan, IKIM
10.30 pagi	Kertas 3 "Undang-undang Menjamin Pekerjaan Yang Sihat dan Selamat" <i>Pembentang:</i> Prof Madya Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Salleh Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
11.00 pagi	Kertas 4 "Polisi dan Garis Panduan Yang Menjamin Pekerjaan Yang Sihat dan Selamat" <i>Pembentang:</i> Dr Ahmad Fitri bin Abdullah Hair Pengarah, Bahagian Kesihatan Pekerjaan Kementerian Sumber Manusia
11.30 pagi	Kertas 5 "Kaedah Pengurusan Aspek Keselamatan dan Kesihatan Golongan Pekerja" <i>Pembentang:</i> Dr Azlan bin Darus Ketua, Bahagian Pencegahan, Perubatan dan Pemulihan, PERKESO
12.00 pagi	Soal Jawab/Perbincangan
12.30 Tengah hari	Program tamat



Unit Program dan Latihan

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
2, Langgak Tunku, Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-6204 6200 (G/Line)
 320 (Zawiah)
 325 (Arrazi)
 326 (Ghani)
 322 (Ummu)
 323 (Nurul)

No. Faks: 03-6204 6201

Emel: program@ikim.gov.my
 sekretariat@ikim.gov.my